



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA MENANDATANGANI
MEMORANDUM PERSEFAHAMAN BERSAMA BANK SIMPANAN
NASIONAL DAN AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN
KREDIT**

3 Disember 2020, Putrajaya – Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg Datuk Wan Suraya Binti Wan Md Radzi, hari ini telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kementerian Perpaduan Negara dan Bank Simpanan Nasional (BSN) serta Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Majlis telah dilaksanakan secara atas talian sejajar dengan pembudayaan norma baharu mencegah penularan wabak Covid-19.

2. Inisiatif kerjasama bersama BSN dan AKPK ini akan **membantu** komuniti jentera perpaduan untuk **menambahbaik kualiti kehidupan melalui pengurusan kewangan dan kredit yang teratur serta memberi pendedahan mengenai kepentingan pengurusan kewangan dan kredit.**

3. Menurut YB Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique, kerjasama ini akan dapat meningkatkan **kesejahteraan sosial** dalam komuniti dan dilaksanakan melalui tiga (3) kaedah utama iaitu khidmat nasihat kewangan, penyediaan ekosistem pengurusan kredit bagi golongan yang terjejas serta pemerksaan modal sosial. Program kerjasama bersama AKPK dan BSN ini **menyasarkan secara khusus kepada jentera perpaduan Kementerian terutama Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Tabika Perpaduan, Taska Genius Perpaduan dan Sekretariat Rukun Negara di seluruh negara.**

4. Antara program yang telah dirangka adalah **Program “DUIT for BABY”** dan modul-modul pembelajaran seperti **“Hemah Bicara Hemat Belanja, Ringgit Dijaga Keluarga Sejahtera”** dan **“Ringgit Sentap Kasi Mantap.”**

5. Program jangka panjang berbentuk “Customised Solution” bagi jentera perpaduan juga sedang dirangka bagi menyediakan pendekatan secara komprehensif merangkumi pelbagai lapisan umur penerima manfaat.

6. Kementerian Perpaduan Negara sebelum ini juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman bersama Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi pembangunan Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) dan kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) dan juga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bagi menjalankan kajian-kajian penyelidikan berhubung perpaduan negara dan integrasi nasional dan juga bersama Yayasan Perpaduan Negara bagi menjalankan program-program komuniti berteraskan perpaduan.

Kementerian Perpaduan Negara

3 Disember 2020

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perpaduan Negara

Tel +603 8091 8041

Fax +603 8888 8568 / 569

E-mail : pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-2/1/4 (34)